



**IKLAN JAWATAN KOSONG
KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 38 (A) DIBUKAKAN KEPADA PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT DI KEMENTERIAN-KEMENTERIAN DAN JABATAN-JABATAN KERAJAAN SAHAJA.

- 1. JAWATAN : BENDAHARI**
- 2. BAHAGIAN : II**
- 3. TANGGAGAJI : UB.3 (\$ 4,600 EB khas \$5,300)**
- 4. JABATAN : Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan**
- 5. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN**

a) Mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

b) Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Agama Islam, Adat Istiasat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei Dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.

c) Mempunyai Ijazah Sarjana Muda Dalam bidang yang bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.

d) i. Telah berkhidmat di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dalam bidang Kewangan atau bidang yang bersesuaian dalam tanggagaji UB.1 EB.2. selama tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

ii). Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji B.2 EB.3 selama tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

iii). Bagi yang tidak mempunyai ijazah hendaklah telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji UB.1 atau UB.2 selama tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

- e) Mempunyai pengalaman dalam pentadbiran dan kewangan di institusi pengajian tinggi adalah merupakan satu kelebihan.

- f) Lulus Peperiksaan Perkhidmatan Awam:
 - i) Peperiksaan Jabatan (jika ada)
 - ii) Peraturan Am 1961 dan peraturan-Peraturan Perkhidmatan
 - iii) Peraturan-Peraturan Kewangan
- g) Mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap yang **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan. Mereka yang mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap **CEMERLANG** dan mendapat sokongan yang kuat dari Ketua Jabatan adalah merupakan satu kelebihan.

SYARAT-SYARAT LAIN

Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Membantu Pendaftar dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam bahagian kewangan dan perjawatan.